**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)**

# IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

(1) Jawatan : **PEGAWAI TADBIR GRED N52 (1 Jawatan)**

(1.1) Jadual Gaji Gred N52 :

| Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum |
|---|---|---|
| N52 | RM5750.00 | RM12,348.00 |

(1.2) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(1.3) Syarat Kelayakan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil

Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

***(Bagi pengisian di Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan***
***- Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai ijazah dan pengetahuan serta latar belakang dan pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang kewangan, pelaburan, pembangunan wilayah, ekonomi dan pemasaran perniagaan***
***- Keutamaan diberi kepada calon yang fasih/mahir bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris).***

(2) Taraf Jawatan : **Kontrak (*Contract Of Service*)**

(3) Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan-perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

(4) Panduan/Cara Memohon

4.1 Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat www.lada.gov.my. Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil atau salinan keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang diisyaratkan termasuk salinan sijil ujian lisan Bahasa Melayu (SPM) dan sekeping gambar terbaru berukuran pasport, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, surat berhenti sekolah dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

4.2 Setiap permohonan mestilah ditulis (**NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
**KEDAH DARUL AMAN**
(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)

(5) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup** permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

(6) Permohonan yang ditolak

6.1 Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran pasport seperti ditetapkan;

6.2 Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;

6.3 Tidak lengkap dan tidak terang;

6.4 Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;

6.5 Tidak menandatangani borang permohonan;

6.6 Mengemukakan maklumat palsu.

(7) Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 JUN 2017**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600 600.